"**Penyata**" bermaksud Penyata Akaun bagi Akaun yang merekodkan Transaksi.

"**Transaksi**" bermaksud apa-apa Transaksi yang terlaksana dengan penggunaan Kad dan termasuk pembelian runcit, Pengeluaran Tunai dan lain-lain perkhidmatan yang mungkin ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"**Tarikh Sah**" bermaksud tarikh luput Kad seperti yang dicetak di atas Kad.

"**Langkah Kawalan Matawang**" bermaksud semua notis, arahan, standard, spesifikasi, kod atau langkah yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 berkenaan urusiaga dalam matawang, termasuk matawang asing.

- 1.2 Perkataan-perkataan yang membawa maksud tunggal juga boleh membawa maksud jamak atau sebaliknya.

2 Penggunaan Kad

- 2.1 Kad ini ialah hak milik Bank dan mesti dikembalikan semula kepada Bank apabila diminta oleh pihak Bank.
- 2.2 Penggunaan Kad dihadkan kepada Ahli Kad yang akan menandatangani dengan segera sebaik menerima Kad dan mengembalikan akaun penerimaan Kad kepada pihak Bank. Tandatangan tersebut dan/atau penggunaan Kad adalah dianggap sebagai mengikat dan bukti yang muktamad bahawa Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan Perjanjian ini. Sekiranya Ahli Kad tidak ingin terikat dengan semua terma dan syarat ini, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta memotong Kad setengah merentangi jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya. Yuran tahunan atau mana-mana bahagian daripadanya tidak akan dikembalikan kepada Ahli Kad.
- 2.3 Ahli Kad tidak boleh menggunakan Kad untuk apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang atau palsu atau membenarkan mana-mana pihak untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, Ahli Kad akan kekal bertanggungjawab untuk membayar Bank amaun yang dihutang yang berkaitan dengan Transaksi tersebut, jika ada, dan klausa ini tidak boleh digunakan sebagai pembelaan untuk tidak menerima tanggungan bagi perkara yang sama.
- 2.4 Bank akan mengeluarkan satu PIN untuk Kad kepada Ahli Kad bagi tujuan membuat Transaksi melalui penggunaan Kad. Ahli Kad berjanji untuk tidak mendedahkan PIN kepada mana-mana orang.
- 2.5 Kad tersebut sah hanya sehingga Tarikh Sah yang tertera di atas Kad. Apabila Tarikh Sah telah luput, Ahli Kad perlu memotong Kad setengah merentangi jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya. Kad yang baru yang akan dikeluarkan mengikut budi bicara mutlak Bank.

- 2.6 Untuk melaksanakan satu pembelian/bayaran menggunakan Kad di mana-mana Peniaga yang Dibenarkan, Ahli Kad akan menandatangani resit Transaksi yang disediakan oleh Peniaga Yang Dibenarkan atau melakukan satu Transaksi dengan atau tanpa PIN dalam perkara terminal layan-diri seperti kios petrol dan terminal internet di mana tandatangan Ahli Kad tidak diperlukan. Ini akan menjadi bukti kukuh bahawa amalan yang direkodkan telah terlaksana dengan betul apabila Bank menerima resit Transaksi atau sebarang dokumen bertulis yang membuktikan Transaksi tersebut.
- 2.7 Had Harian yang berikut adalah terpakai ke atas setiap Kad yang dipegang oleh Ahli Kad yang bukan merupakan Individu Di bawah Umur:
(a) Pengeluaran Tunai dan Transaksi e-Debit - Had Harian ialah RM1,000.00;
(b) Pembelian (Point of Sales) Urusiaga - Had Harian ialah RM1,000.00.
- 2.8 Had Harian yang berikut adalah terpakai ke atas setiap Kad yang dipegang oleh Ahli Kad yang merupakan Individu Di bawah Umur:
(a) Pengeluaran Tunai dan Transaksi e-Debit - Had Harian ialah RM200.00;
(b) Pembelian (Point of Sales) Urusiaga - Had Harian ialah RM200.00.
- 2.9 Ahli Kad boleh meminta Bank untuk menukar mana-mana Had Harian, tertakluk kepada lain-lain terma dan syarat yang seumpamanya yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 2.10 Seorang Ahli Kad (termasuk Pemegang Akaun Bersama) akan hanya diberikan satu Kad pada satu-satu masa, namun Bank boleh mengeluarkan lebih daripada satu Kad kepada Pemegang Akaun Bersama sekiranya mandat Akaun Bersama tersebut ialah mana-mana Pemegang Akaun Bersama boleh membenarkan Transaksi dan memberi arahan kepada Bank.
- 2.11 Penggunaan kemudahan dan perkhidmatan Kad adalah tertakluk kepada Had Harian dan Bank boleh mengikut budi bicara mutlakannya, memutuskan untuk tidak menerima Transaksi yang melebihi Had Harian.
- 2.12 Ahli Kad dan Pemegang Akaun akan bertanggungjawab ke atas semua Transaksi, yuran, caj dan lain-lain kos dan perbelanjaan yang disebabkan oleh Ahli Kad apabila menggunakan Kad, termasuk sebarang jumlah yang dikeluarkan dari Akaun dengan menggunakan Kad tersebut.
- 2.13 Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh membenarkan Akaun yang berkaitan dengan semua Transaksi yang dibenarkan oleh Ahli Kad dalam mana-mana kaedah yang berikut:
(a) apabila Kad digunakan dengan atau tanpa PIN dalam penggunaan dengan mana-mana peralatan elektronik;
(b) apabila Kad yang diserahkan kepada Peniaga Yang Dibenarkan melibatkan bauer untuk ditandatangani (atau dokumen lain yang diterima pakai oleh Bank) atau sebarang bentuk pemprosesan Transaksi sebagai membenarkan Transaksi tersebut;
(c) apabila butiran Akaun atau Kad diberikan kepada Peniaga atau kepada mana-mana pihak yang mana pembayaran dibuat kepadanya, sama ada secara terus atau melalui pihak ketiga, dalam bentuk yang diterima pakai oleh Bank, contohnya melalui telefon atau secara atas talian;
(d) apabila dana dipindahkan secara elektronik menggunakan perbankan internet atau perbankan telefon atau perbankan mudah alih Bank.
- 2.14 Bagi mana-mana Transaksi yang dibenarkan oleh Ahli Kad di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap (berjadual atau sebaliknya) melalui mana-mana langganan saluran pengebilan atau aturan pembayaran di antara Ahli Kad dan Peniaga Yang Dibenarkan, Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh mendebitkan Akaun dan akan terus berbuat demikian selagi pembayaran berulang atau arahan tetap masih dibuat.
- 2.15 Untuk mengelakkan keraguan, Bank akan berterusan mendebit Akaun di bawah pembayaran berulang atau arahan tetap selaras dengan klausa 2.14 di atas walaupun nombor atau Tarikh Sah Kad diubah disebabkan Kad telah diperbaharui, diganti atau dikeluarkan semula.
- 2.16 Walau apapun hak Bank seperti dinyatakan dalam klausa 2.15, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab untuk mengemaskini butiran Kad di bawah langganan saluran pengebilan atau aturan pembayaran dengan mana-mana Peniaga Yang Dibenarkan sekiranya berlaku sebarang pembaharuan atau penggantian atau pengeluaran semula Kad dan/atau mana-mana perubahan terpakai kepada Kad. Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa sebarang pembaharuan atau penggantian dan/atau pengeluaran semula Kad tidak akan dianggap sebagai pembatalan pembayaran berulang atau arahan tetap dan/atau penamatan langganan saluran pengebilan atau aturan pembayaran Ahli Kad dengan Peniaga Yang Dibenarkan sehinggalah pembatalan dan/atau penamatan yang demikian dibuat secara terus oleh Ahli Kad dengan Peniaga Yang Dibenarkan dengan sewajarnya.
- 2.17 Walaupun terdapat baki kredit yang mencukupi tersedia di dalam Akaun, Bank berhak, pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlakannya dan tanpa memberi sebarang notis atau sebab, untuk enggan membenarkan sebarang Transaksi yang dicadangkan sekiranya:
(a) Bank mempunyai sebab untuk mengesyaki bahawa Transaksi yang dicadangkan itu telah tidak mendapat kebenaran;
(b) adalah penting untuk memastikan pematuhan dengan tanggungjawab Bank berkaitan dengan pengubahan wang haram, pencegahan jenayah, penipuan, keganasan kewangan, rasuah, pengelakan cukai dan sekatan ekonomi atau perdagangan.

3 Penerimaan Kad

- 3.1 Kad selalunya akan diterima pakai oleh Peniaga Yang Dibenarkan dan diterima di ATM yang ditetapkan sebagai cara pembayaran.
- 3.2 Bank tidak akan menerima sebarang liabiliti:
(a) Sekiranya mana-mana Peniaga Yang Dibenarkan mengubah harga untuk barangan dan perkhidmatan yang sama yang telah dibeli menggunakan Kad;
(b) Sekiranya mana-mana institusi kewangan atau Peniaga Yang Dibenarkan menolak untuk menerima atau menerima pakai Kad;
(c) untuk mana-mana barangan dan/atau perkhidmatan yang telah dibeli oleh Ahli Kad dengan menggunakan Kad.
- 3.3 Untuk mengelakkan keraguan, mana-mana tuntutan dan/atau pertikaian yang Ahli Kad mungkin ada terhadap Kedai Tunai Yang Dibenarkan atau Peniaga Yang Dibenarkan tidak akan melepaskan Ahli Kad daripada kewajipan dan liabiliti berkaitan dengan Transaksi yang terlibat dan di bawah terma Perjanjian ini. Jika tiada sebarang kecuaihan atau pelanggaran kewajipan di pihak Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau tuntutan yang dialami oleh Ahli Kad yang timbul daripada pertikaian/tuntutan di antara Ahli Kad dan Kedai Tunai Yang Dibenarkan atau Peniaga Yang Dibenarkan tersebut.
- 3.4 Sebarang aduan terhadap barangan atau perkhidmatan yang dibeli menggunakan Kad hendaklah diselesaikan secara terus dengan Peniaga Yang Dibenarkan atau Kedai Tunai Yang Dibenarkan yang berkenaan.

4 PIN dan kerahsiaan PIN

- 4.1 Sekiranya satu PIN dikeluarkan kepada seorang Ahli Kad, terma-terma yang berikut adalah terpakai:
- (a) PIN tersebut boleh diambil oleh Ahli Kad atau dihantar kepada Ahli Kad secara pos atas risiko yang ditanggung oleh Ahli Kad sepenuhnya;
 - (b) Ahli Kad tidak boleh mendedahkan PIN dan mesti mengambil segala langkah yang wajar untuk mencegah PIN daripada diketahui oleh pihak lain. Sekiranya PIN telah didedahkan atau terdedah atas apa jua sebab atau cara atau Ahli Kad terlupe PIN, Ahli Kad hendaklah dengan segera memberitahu Bank secara lisan dan bertulis dan memotong Kad setengah merentangi jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya.

5 Transaksi Luar Negara

- 5.1 Ahli Kad perlu mengaktifkan Kad sebelum menggunakan Kad untuk Pengeluaran Tunai dan pembelian di luar Malaysia. Ahli Kad boleh mengaktifkan Kad di ATM AmBank terdekat, menghubungi Pusat Panggilan kami atau mengunjungi cawangan AmBank terdekat.
- 5.2 Ahli Kad boleh menggunakan Kad untuk Pengeluaran Tunai di luar Malaysia melalui ATM yang ditentukan dengan logo MasterCard Cirrus dan akan memastikan bahawa semua Transaksi antara negara oleh Ahli Kad melalui ATM tidak akan melanggar sebarang undang-undang negara di mana Transaksi tersebut berlaku.
- 5.3 Bila mana Ahli Kad menggunakan Kad di luar Malaysia, Transaksi tersebut boleh dikenakan yuran oleh pihak ketiga dan Transaksi yang terlaksana akan ditukar kepada Ringgit Malaysia di mana Kadar tukaran asing boleh ditentukan oleh MasterCard Worldwide mengikut budi bicara mutlaknya sebelum Akaun didebitkan.
- 5.4 Di mana terpakai, Ahli Kad akan mematuhi Langkah-Langkah Kawalan Matawang yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan dengan mana-mana Transaksi di luar negeri. Ahli Kad akan bertanggungjawab terhadap sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap peraturan yang seumpamanya dan sebarang pindaan terhadapnya.

6 Akaun

- 6.1 Pengehasan dan rekod Transaksi oleh Bank, Peniaga Yang Dibenarkan atau Kedai Tunai Yang Dibenarkan, yang terlaksana dengan menggunakan Kad dan tercatat di dalam sebarang Penyata, buku simpanan atau penyata AmOnline adalah betul dan mengikat ke atas Ahli Kad bagi semua tujuan, termasuklah prosiding undang-undang dan adalah bukti muktamad bagi Transaksi seperti yang kecuali Bank telah menerima notis bertulis yang menyatakan sebaliknya dalam masa 15 hari dari tarikh Penyata atau tarikh Transaksi disiarkan pada Penyata AmOnline untuk Akaun dengan buku simpanan. Sekiranya Bank tidak menerima sebarang pemberitahuan seperti itu daripada Ahli Kad, pengehasan dan rekod tersebut akan dianggap sebagai bukti muktamad pengehasan dan penerimaan Transaksi tersebut oleh Ahli Kad. Adalah menjadi tanggungjawab Ahli Kad untuk memastikan rekod Transaksi sentiasa tersedia sekiranya Ahli Kad ingin membuat sebarang pertikaian (contohnya, untuk Akaun dengan buku simpanan, Pemegang Akaun mesti

mendaftar dengan AmOnline untuk memantau semua Transaksi).

- 6.2 Sekiranya Bank menerima notis bertulis daripada Ahli Kad seperti yang dijelaskan dalam Klausula 6.1, Bank boleh, sekiranya ia berpuashati, membuat pelarasan yang perlu dan pembetulan kepada Akaun tetapi ini tidak akan menjejaskan hak Bank untuk mendebitkan Akaun dengan apa-apa jumlah yang dihutang.
- 6.3 Baki tunggakan di dalam Akaun dan dipaparkan di skrin ATM atau mana-mana kedai perkhidmatan yang lain dan/atau tercatat di dalam mana-mana Penyata, sijil, buku simpanan atau slip adalah tidak termasuk deposit yang dibuat di ATM atau di cawangan Bank yang mungkin belum lagi disahkan sejajar dengan prosedur Bank.
- 6.4 Semua bayaran bagi pembelian barangan atau perkhidmatan yang terlaksana dengan penggunaan Kad ini, yuran tahunan dan caj- caj lain akan didebitkan ke dalam Akaun dan dinyatakan di dalam Penyata atau buku simpanan atau Penyata AmOnline (yang mana terpakai).
- 6.5 Penyata akan disediakan kepada Ahli Kad berdasarkan jenis Akaun. Bagi Akaun dengan buku simpanan, tidak akan ada sebarang Penyata.
- 6.6 Bagi Transaksi yang dibenarkan secara duluan seperti pembelian petrol (di pam layan diri luar) dan penginapan hotel, jumlah yang dibenarkan akan ditolak daripada Akaun yang berkenaan dan dilaraskan selepas itu sebaik jumlah sebenar yang digunakan diselesaikan. Transaksi yang dibenarkan secara duluan untuk pembelian petrol (di pam layan diri luar) adalah RM200 dan tempoh purata pegangan pra-keberanian adalah 3 ke 5 hari.
- 6.7 Sekiranya berlaku keadaan di mana baki tersedia tidak mencukupi di dalam Akaun untuk membayar sebarang Transaksi atau sebarang amaun perlu dibayar dari Akaun tersebut, termasuklah mana-mana yuran, caj atau lain-lain pembayaran belum jelas kepada Bank ("Wang Terhutang"), Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya, membekukan baki kredit yang dipegang di dalam mana-mana Akaun lain yang dipegang oleh Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun dengan Bank dan memberikan notis 7 hari kepada Ahli Kad untuk menyelesaikan Wang Terhutang. Sekiranya Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun gagal berbuat demikian, Bank berhak untuk memindahkan atau mengaturkan perpindahan dana yang mencukupi daripada lain-lain Akaun yang dipegang oleh Ahli Kad dan/atau Pemegang Akaun dengan Bank, ke dalam Akaun (walaupun ia perlu meningkatkan deposit tetap/deposit termala Islamik sebelum tempoh matang).
- 6.8 Walau apapun yang dinyatakan di sini adalah sebaliknya, sekiranya terdapat baki tersedia yang tidak mencukupi di dalam Akaun untuk membayar sebarang Transaksi yang terlaksana dengan menggunakan Kad atau sebarang jumlah lain yang perlu dibayar daripada Akaun termasuklah sebarang yuran, caj atau lain-lain pembayaran yang dihutang kepada Bank, disebabkan oleh sebarang sebab termasuklah sebarang kelulusan yang diberi secara ralat atau sebarang kesilapan dari pihak Bank seperti tersilap menkreditkan satu jumlah ke dalam Akaun atau tersilap mendebitkan satu jumlah ke dalam Akaun atau disebabkan lain-lain kesilapan atau ralat, Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak secara mutlak untuk membuat pelarasan yang perlu atau pembetulan dan untuk mendebit Akaun dengan sewajarnya dan Ahli Kad dengan ini secara muktamad dan tanpa bersyarat bersetuju untuk membayar sebarang jumlah yang didebitkan ke dalam Akaun.
- 6.9 Sekiranya berlaku sebarang kesilapan atau ralat atau atas sebarang sebab

yang lain, Bank berhak membuat sebarang pelarasan sewajarnya untuk memperbaiki kesalahan atau kesilapan dan Ahli Kad dengan ini secara muhtamad dan tanpa berysarat bersetuju untuk membayar sebarang jumlah yang didebitkan ke dalam Akaun.

7 Baki Dipegang

- 7.1 Bank boleh menetapkan satu Baki Dipegang bagi tujuan sebarang Transaksi yang dicadangkan untuk dilaksana pada Kad. Bank berhak sepenuhnya untuk meletakkan Baki Dipegang tersebut sehingga dua puluh satu (21) hari kalendar atau untuk tempoh seperti itu yang difikirkan wajar.
- 7.2 Bank akan mendebitkan Baki Dipegang (atau mana-mana bahagian daripadanya) ke atas Akaun apabila Transaksi yang sepadan diserahkan kepada bank untuk pembayaran dan akan melepaskan Baki Dipegang (atau mana-mana bahagian daripadanya) jika Transaksi yang sepadan tidak diserahkan kepada Bank untuk pembayaran dalam tempoh seumpamanya yang dianggap wajar oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 7.3 Ahli Kad dengan ini juga bersetuju bahawa Bank berhak sepenuhnya untuk meletakkan semula pegangan ke atas Akaun dan mendebitkan Akaun untuk sebarang Transaksi yang diserahkan selepas tempoh seumpamanya seterusnya. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, adalah dinyatakan di sini bahawa hak Bank untuk mendebit Akaun untuk sebarang Transaksi bukan sahaja terhad kepada amaun yang dipegang yang berhubung dengan Transaksi tersebut dan Bank adalah berhak sepenuhnya untuk mendebit Akaun untuk amaun penuh Transaksi pada bila-bila masa.
- 7.4 Bank berhak sepenuhnya untuk menambah pada bila-bila masa amaun yang ia akan pegang berkaitan dengan sebarang Transaksi dalam matawang selain daripada Ringgit Malaysia sekiranya Bank berpendapat amaun yang dipegang pada mulanya apabila ditukarkan kepada matawang asing tersebut tidak mencukupi untuk membayar penuh Transaksi tersebut.

8 Yuran dan Caj

- 8.1 Ahli Kad dengan ini secara muhtamad dan tanpa syarat bersetuju untuk membayar semua yuran dan caj yang ditanggung di dalam Perjanjian ini dan membenarkan Bank untuk mendebitkan Akaun beliau. Sekiranya Ahli Kad tidak membenarkan Bank untuk mendebitkan Akaun dengan yuran seperti itu, Ahli Kad bersetuju bahawa sebarang kegagalan pembayaran yuran bagi Perkhidmatan tersebut boleh menjejaskan Perkhidmatan yang disediakan sehingga semua yuran seperti itu telah dibayar sepenuhnya oleh Ahli Kad.
- 8.2 Yuran tahunan tidak akan dikenakan ke atas Ahli Kad dalam tahun pertama Kad dikeluarkan. Melainkan terdapat di laman web Bank yang menyatakan bahawa yuran tahunan tidak akan dikenakan untuk Kad bagi jenama tertentu di mana ianya dikeluarkan atau dicekualikan untuk tempoh lebih dari 1 tahun dari tarikh pengeluaran, yuran tahunan akan dikenakan seterusnya pada tarikh ulang tahun yang pertama. Yuran tahunan mungkin berubah dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak Bank dengan notis yang mencukupi sejajar dengan klausa 8.3, 8.4 dan 8.5.
- 8.3 Walau apapun yang dinyatakan di dalam peruntukan di atas, Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk mengubah yuran bagi Perkhidmatan dan caj-caj tambahan dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui:
 - 8.3.1 Papan berkenaan yuran dan caj yang telah berubah di cawangan-

cawangan Bank;

- 8.3.2 Papan berkenaan yuran dan caj yang telah berubah di Laman Web Bank.
- 8.4 Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh menyediakan notis berkenaan perubahan/pindaan/variasi/kenaikan yuran dan caj melalui mana-mana satu/lebih daripada kaedah yang berikut:
- 8.4.1 Notis pada papan notis/mana-mana bahagian yang ketara di cawangan-cawangan Bank;
 - 8.4.2 Notis pada papan skrin terminal elektronik Bank;
 - 8.4.3 Notis di dalam Laman Web Bank
 - 8.4.4 Notis di dalam Penyata;
 - 8.4.5 Notis secara bertulis di dalam format yang dipilih oleh Bank ke alamat Pemegang Akaun seperti yang tercatat di dalam rekod Bank;
 - 8.4.6 Notis melalui sebarang kaedah lain yang difikirkan wajar oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknya.
- 8.5 Perubahan/Pindaan/Variasi/Kenaikan yuran dan caj yang seperti itu akan berkuatkuasa pada tarikh yang diberitahu oleh Bank kepada Ahli Kad (selaras dengan Klausa 8.4) selepas memberitahu Ahli Kad sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaan semakan baru yuran dan caj.

9 Kehilangan dan/atau kecurian Kad

- 9.1 Ahli Kad dengan ini bersetuju untuk menjaga dan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menghalang berlakunya kehilangan atau kecurian Kad tersebut. Sekiranya berlaku kecurian, kehilangan Kad atau jika kehilangan PIN Kad telah terdah, Ahli Kad mestilah dengan serta-merta melakukannya kepada Bank (sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian di Malaysia) atau kepada mana-mana ahli MasterCard Worldwide (sekiranya berlaku kehilangan atau kecurian di luar negara). Ahli Kad memahami sepenuhnya bahawa kegagalan untuk menjaga dan mengambil segala langkah berjaga-jaga terhadap Kad tersebut boleh mendedahkan Ahli Kad kepada akibat daripada kecurian dan/atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan.
- 9.2 Pemberitahuan di dalam Klausa 9.1 boleh dibuat melalui telefon, telegram, telex atau transmisi faksimili diikuti dengan satu pengesahan bertulis berserta laporan polis.
- 9.3 Ahli Kad akan kekal bertanggungjawab ke atas semua Transaksi yang berlaku daripada penggunaan Kad yang tidak dibenarkan itu di bawah Akaun sehingga dan kecuali Bank menerima pengesahan lisan/atau bertulis berkenaan kehilangan/kecurian Kad tersebut.
- 9.4 Ahli Kad akan bertanggungjawab dan kekal bertanggungjawab atas semua Transaksi yang terlaksana dari penggunaan Kad yang tidak dibenarkan di mana penyiasatan yang dibuat oleh Bank atau pihak polis menunjukkan Ahli Kad ialah pihak yang terlibat dalam pemerolehan sebarang barangan atau perkhidmatan daripada Peniaga Yang Dibenarkan menerusi penggunaan Kad oleh mana-mana individu yang tidak dibenarkan.
- 9.5 Bertaklut kepada jika Bank menerima pemberitahuan dalam kaedah seperti yang dinyatakan dalam Klausa 9.1 di atas dan dengan syarat Ahli Kad tidak terlibat dalam sebarang Transaksi palsu; liabiliti maksimum Ahli Kad yang ditanggung dari Transaksi menggunakan Kad yang tidak dibenarkan, akan dibataskan kepada had yang ditetapkan oleh garis panduan atau peraturan yang diguna pakai, yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, yang mana pada ketika ini, terhad kepada RM250.00.
- 9.6 Ahli Kad hendaklah memotong Kad setengah merentangi jalur magnetik dan

cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya dengan serta-merta apabila tamat Tarikh Sah atau apabila diminta oleh Bank atas pembatalan, penarikan semula atau pengantungan oleh Bank atau apabila Kad dijumpai semula selepas pemberitahuan tentang kehilangannya dibuat dan tidak lagi mempunyai hak untuk menggunakan Kad tersebut.

- 9.7 Di mana apabila Ahli Kad dikehendaki di bawah terma dan syarat ini untuk memotong Kad setengah merentangi jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya dan Ahli Kad gagal berbuat demikian, Ahli Kad akan terus bertanggungjawab atas semua transaksi yang terlaksana di bawah Akaun dengan menggunakan Kad, termasuklah amaun yang dikeluarkan melebihi dana yang tersedia di dalam Akaun sama ada dibenarkan oleh Ahli Kad atau sebaliknya sehingga Kad itu telah dipotong dua di jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia benar-benar rosak dalam cara yang dinyatakan dalam terma dan syarat ini.
- 9.8 Permohonan untuk mendapat bayaran balik adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Bank.
- 9.9 Bank tidak berkewajipan untuk mengeluarkan satu Kad ganti berikutan kehilangan atau kecurian atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan. Sekiranya Bank mengeluarkan Kad ganti, Bank berhak untuk mengenakan syarat-syarat dan mengenakan yuran atas caj yang seumpamanya yang Kumpulan AmBank anggap wajar mengikut budi bicara mutlaknya.
- 9.10 Kad yang diganti tersebut hendaklah juga tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini seolah-olah ia adalah Kad yang asal. Yuran tahunan tidak akan dibayar balik apabila Kad dibatalkan atau ditarik balik.

10 Pengecualian Liabiliti

- 10.1 Jika tiada sebarang kecuaihan di pihak Bank, Bank tidak bertanggungjawab kepada Ahli Kad atas sebarang kesulitan, kerugian, kerosakan, perbelanjaan atau keaiban kepada kredit, karakter atau reputasi Ahli Kad dalam apa bentuk sekalipun disebabkan oleh atau yang timbul dari penggunaan Kad, Bank melaksanakan haknya di bawah Perjanjian ini, ketentuan Tuhan atau apa-apa yang di luar kawalan Bank, para pekerjaannya atau ejen-ejeninya.
- 10.2 Dalam kes di mana Ahli Kad menggunakan Kad untuk membuat pembelian barangan dan/atau perkhidmatan melalui laman internet atau portal (atau mana-mana arahan telekomunikasi), Ahli Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan Transaksi internet yang demikian (atau komunikasi lisan) dan ia akan menjadi bukti yang memadai tentang kesahihan Transaksi tersebut. Bank tidak berkewajipan dalam apa-apa keadaan untuk mengesahkan identiti atau kuasa orang yang memasukkan maklumat Kad dan Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan kerana bertindak terhadap penggunaan Kad tersebut tanpa mengambil kira sama ada orang itu diberi kebenaran atau tidak dan tanpa mengambil kira tentang keadaan semasa yang berlaku ketika Transaksi dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Bank berhak untuk tidak membenarkan Transaksi yang sedemikian melalui internet sekiranya Bank mempunyai sebarang alasan untuk meragui kesahihan atau berpendapat ia adalah menyalahi undang-undang atau tidak wajar untuk melakukannya atas apa-apa alasan yang lain.
- 10.3 Melainkan jika dikaitkan secara langsung dengan kecuaihan pihak Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad atas sebarang kerugian, kecederaan atau kerosakan yang ditanggung termasuklah kesan dan kerugian dari segi ekonomi, walau bagaimanapun penyebabnya dan/atau yang timbul

oleh atau daripada kepincangan mekanikal atau kepincangan fungsi ATM atau oleh apa-apa keadaan yang di luar kawalan Bank atau oleh mogok atau pertelingkahan tenaga kerja yang lain.

11 Pengantungan atau Pembatalan Kad

- 11.1 Ahli Kad boleh menamatkan penggunaan Kad beliau dengan memberikan kepada Bank satu notis penamatan bertulis dan memotong Kad pada separuh seluruh jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya, maka penggunaan Kad akan ditamatkan.
- 11.2 Bank boleh pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan notis dan tanpa memberikan sebarang alasan, menamatkan atau menggantungan Kad atau enggan mengeluarkan, memperbaharui atau menggantikan Kad. Tanpa prejudis terhadap sebutan umum perkara di atas, Bank boleh menamatkan penggunaan Kad, apabila berlaku mana-mana satu atau lebih daripada perkara-perkara yang berikut:-
- (a) kebankrapan, ketidakmampuan, kematian atau ketidakupayaan Ahli Kad;
 - (b) sebarang pelanggaran Perjanjian ini oleh Ahli Kad;
 - (c) Penggunaan Kad dalam sebarang aktiviti haram.
- 11.3 Sekiranya penggunaan Kad ditamatkan oleh Bank atau Ahli Kad atas apa-apa alasan, Ahli Kad hendaklah dengan serta-merta memotong Kad pada separuh seluruh jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya kecuali di mana Kad telah dilaporkan hilang/dicuri.
- 11.4 Tiada sebarang bayaran balik bagi yuran tahunan atau lain-lain yuran yang perlu dibayar sekiranya Bank menunaikan haknya di bawah klausa 11.2 di atas.
- 11.5 Perjanjian yang terkandung di dalam terma dan syarat ini hendaklah dianggap kekal terlaksana dan berkuatkuasa sepenuhnya dan bila setakat mana-mana Transaksi disempurnakan tetapi tidak didebitkan kepada Akaun sebelum penamatan atau pengantungan tersebut.
- 11.6 Penamatan Perjanjian ini hendaklah tidak prejudis terhadap sebarang liabiliti berkaitan dengan perkara-perkara yang telah dibuat atau tidak dibuat sebelum penamatan tersebut.
- 11.7 Hak dan remedi Bank terhadap Ahli Kad tidak akan terjejas berikutan penamatan ini.
- 11.8 Selepas penamatan perjanjian, Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Ahli Kad untuk mendapatkan kembali sebarang amaun yang dihitung oleh Ahli Kad di bawah Perjanjian ini, termasuklah sebarang yuran, caj atau lain-lain bayaran yang dihitung kepada Bank dan Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab untuk membayar semua kos yang ditanggung oleh Bank (termasuklah yuran guaman berasaskan peguamcara dan pelangan).
- 11.9 Selepas penamatan Perjanjian, Bank juga boleh menutup Akaun sekiranya difikirkan wajar.

12 Indemniti

- 12.1 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ahli Kad dan Pemegang Akaun hendaklah melindungi dan terus memastikan Bank dilindungi sepenuhnya daripada semua tuntutan, permintaan, tindakan, prosiding, kerugian, kemusnahan, kos dan perbelanjaan bagi sebarang bentuk (termasuklah kos perundangan atas asas penanggungan rugi) yang dialami atau ditanggung oleh Bank, secara langsung atau tidak langsung, disebabkan atau dalam hubungan dengan Perjanjian ini, termasuklah tanpa terhad kepada:

- (a) sebarang penggunaan atau salah penggunaan Kad;
- (b) pelanggaran mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian ini bagi bahagian Ahli Kad;
- (c) penguatkuasaan atau perlindungan hak dan remedi Bank terhadap Ahli Kad di bawah Perjanjian ini;
- (d) sebarang perubahan dalam mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan rasmi yang boleh mempunyai kesan terhadap Akaun, Kad dan/atau Perjanjian ini.

13 Pertikaian-Pertikaian

- 13.1 Ahli Kad hendaklah menghubungi dan memberitahu Peniaga Yang Dibenarkan secara terus berkenaan sebarang pembatalan Kad dalam kaitan dengan mana-mana pengebilan atau arahan tetap yang berulang yang telah dipersetujui di antara Peniaga Yang Dibenarkan dengan Ahli Kad. Ahli Kad dengan ini bersetuju bahawa sebarang tuntutan atau pertikaian berkaitan pengebilan atau arahan tetap yang berulang tersebut hendaklah dikemukakan terus kepada Peniaga Yang Dibenarkan dan Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun terhadap perkara-perkara sedemikian.
- 13.2 Bank tidak akan melayan sebarang permohonan daripada Ahli Kad untuk menaguh, menghentikan atau mengantung sebarang pengebilan Transaksi, penyelesaian atau pembayaran berkaitan dengan sebarang aduan, tuntutan atau pertikaian oleh Ahli Kad terhadap mana-mana Peniaga Yang Dibenarkan atau Kedai Tunai Yang Dibenarkan.

14 Variasi Perjanjian

- 14.1 Bank berhak untuk meminda mana-mana/semua peruntukan Perjanjian ini melalui:
 - 14.1.1 Paparan tentang Perjanjian yang telah dipinda di cawangan-cawangan Bank;
 - 14.1.2 Memuat naik Perjanjian yang telah dipinda ke dalam Laman Web Bank.
- 14.2 Ahli Kad bersetuju bahawa Bank boleh menyediakan notis tentang pindaan terhadap Perjanjian ini melalui mana-mana satu/lebih daripada kaedah yang berikut:
 - 14.2.1 Notis pada papan notis/mana-mana bahagian yang ketara di cawangan-cawangan Bank;
 - 14.2.2 Notis pada paparan skrin terminal elektronik Bank;
 - 14.2.3 Notis di dalam Laman Web Bank;
 - 14.2.4 Notis di dalam Penyata;
 - 14.2.5 Notis secara bertulis di dalam format yang dipilih oleh Bank ke alamat Pemegang Akaun seperti yang tercatat di dalam rekod Bank;
 - 14.2.6 Notis melalui sebarang kaedah lain yang difikirkan wajar oleh Bank mengikut budi bicara mutlaknnya.
- 14.3 Pindaan yang demikian akan berkuatkuasa pada tarikh seperti yang diberitahu oleh Bank kepada Ahli Kad (dalam melaksanakan Klausula 14.2) selepas memberitahu Ahli Kad sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh berkuatkuasa pindaan tersebut.
- 14.4 Sekiranya Ahli Kad tidak bersetuju dengan mana-mana pindaan kepada Perjanjian ini, Ahli Kad hendaklah memotong Kad setengah merentangi jalur magnetik dan cip untuk memastikan ia rosak sepenuhnya.
- 14.5 Sekiranya Ahli Kad terus menggunakan Kad selepas tarikh berkuatkuasa

- sebarang pindaan kepada Perjanjian ini, Ahli Kad akan dianggap sebagai telah menerima pindaan-pindaan kepada Perjanjian ini.
- 14.6 Tanpa prejudis terhadap lain-lain peruntukan di dalam Perjanjian ini, Bank berhak, pada bila-bila masa, mengikut budi bicara mutlaknnya dan tanpa memberikan sebarang alasan, untuk memperkenalkan, meminda, mengubah, menyekat atau menarik balik semua atau mana-mana manfaat, perkhidmatan, kemudahan dan keistimewaan tentang atau yang berkaitan dengan penggunaan Kad dan/atau Perjanjian ini selepas memberitahu Ahli Kad sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh berkuatkuasa terma dan syarat yang baru.

15 Lain-Lain Terma dan Syarat

Terma dan syarat ini akan menjadi tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan/atau lain-lain pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank dan sebarang Perjanjian khusus atau aturan berhubung dengan pengeluaran dan penggunaan Kad sekarang atau seterusnya dari semasa ke semasa terus wujud di antara Bank dan Ahli Kad atau sebarang terma dan syarat seperti yang boleh ditentukan di dalam sebarang surat atau notis yang diberi oleh Bank kepada Ahli Kad dari semasa ke semasa.

- 15.1 Undang-Undang
 - Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia bilamana Transaksi menggunakan Kad dilaksanakan dan Ahli Kad dengan muktamadnya:
 - (a) patuh kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia;
 - (b) menyetipikan sebarang bantahan atas dasar kesesuaian tempat, bidang kuasa atau sebarang alasan yang serupa;
 - (c) bersetuju dengan penyampaian proses melalui surat berdaftar atau dalam apa-apa cara yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan.
- 15.2 Pemeliharaan Hak dan Kelayakan
 - Walaupun apapun yang terkandung di dalam Perjanjian ini, hak dan kelayakan Bank di bawah Perjanjian ini hendaklah kekal berkuatkuasa dan mengatasi sebarang pembatalan, penarikan semula dan penggantungan Kad oleh Bank.
- 15.3 Bukti Penggunaan
 - 15.3.1 Sebaik sahaja Kad dipungut oleh Ahli Kad, adalah menjadi tanggungjawab Ahli Kad untuk membuktikan bahawa Kad tersebut telah tidak digunakan oleh beliau pada masa satu Transaksi yang menjadi pertikaian dilaksanakan.
 - 15.3.2 Melainkan jika dan sehingga Bank berpuashati dengan bukti yang dikemukakan, Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas semua Transaksi yang berkaitan dengan Akaun yang timbul daripada Transaksi yang dipertikaikan atau mana-mana salah satu daripadanya.
- 15.4 Aduan dan Kehilangan Kad Debit
 - Sekiranya terdapat sebarang aduan, Ahli Kad boleh menghubungi Khidmat Pelanggan Bank seperti alamat berikut:
 Peti Surat 12617 GPO Kuala Lumpur, 50784 Kuala Lumpur
 No. Tel: +603 2178 8888, No. Faks: +603 2171 3171
 Alamat emel: customercare@ambankgroup.com